



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #04

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 OGOS 2025

1



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 20 OGOS 2025)

- Musim **Monsun Barat Daya (MBD)** telah bermula pada **10 Mei 2025** dan **akan berterusan sehingga September 2025** berikutan keadaan angin yang mula bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau negara. Sepanjang musim ini, kadar kelembapan udara lazimnya adalah rendah menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan di kebanyakan tempat. Sehubungan itu, negara akan menerima jumlah hujan yang lebih rendah berbanding tempoh lain dengan bilangan hari tanpa hujan adalah lebih banyak berbanding bilangan hari hujan. Semasa kemuncak musim ini pada Julai hingga September, fenomena jerebu setempat dan rentas sempadan boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka tidak dikawal.
- Secara amnya, rantau negara menerima tiupan angin baratan sepanjang tempoh ramalan. Vorteks yang berada di perairan Filipina dan Vietnam mempengaruhi intensiti angin di Laut China Selatan. Rantau negara khususnya barat Sabah, utara dan tengah Sarawak serta utara dan selatan Semenanjung Malaysia dijangka menerima tiupan angin baratan kencang dari awal sehingga pertengahan tempoh ramalan.
- Pembentukan garis badai berpotensi berlaku pada awal pagi di barat Semenanjung Malaysia serta barat Sabah & Sarawak. Hujan/ribut petir dijangka lebih tertumpu di timur Semenanjung Malaysia serta barat Sabah dan utara Sarawak pada lewat petang & boleh berlarutan hingga ke awal pagi.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **13 Ogos 2025 jam 4.00 petang** seperti di **Lampiran 1**, tiada daerah yang mencatatkan cuaca panas **Tahap 1 berbanding 1 daerah sebelumnya pada 5 Ogos 2025 yang lalu**. Bagi tempoh dari **14 - 20 Ogos 2025** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tiada kawasan yang dijangka mencatatkan cuaca panas Tahap 1 .

- Untuk rujukan, **Tahap 1 (berjaga-jaga)**: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), **Tahap 2 (gelombang haba)**: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan **Tahap 3 (gelombang haba ekstrem)**: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Pada **5 Ogos 2025**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan hebahan ramalan kemarau bagi **satu** lembangan sungai, iaitu **Lembangan Sungai Muda, Baling, Kedah**, di **satu stesen** iaitu **Sg. Ketil, Kuala Pegang** berkuatkuasa sehingga **19 Ogos 2025**.
- Dua stesen kadar alir masih lagi menunjukkan kadar alir sungai di bawah normal iaitu **Sungai Pahang di Temerloh, Pahang** dan **Sungai Galas di Dabong, Kelantan** yang telah dikemaskini pada **13 Ogos 2025**.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Pada **13 Ogos 2025**, **Empangan Bukit Merah, Perak** menunjukkan **peningkatan sebanyak 0.46%** baki stok simpanan semasa air mentah namun masih berada pada **paras amaran iaitu 23.78%** berbanding 12 Ogos 2025 sebanyak 23.32%, manakala terdapat **tiga empangan** berada pada paras **waspada** iaitu **Empangan Muda, Kedah (32.95%)**, **Empangan Ahning, Kedah (58.54%)** dan **Empangan Air Hitam, Pulau Pinang (49.10%)** seperti di **Lampiran 2**.
- Empangan Bukit Merah telah berada di bawah paras normal sejak 17 Jun 2025. Pejabat Operasi Empangan Bukit Merah telah menghentikan bekalan pengairan setelah paras air mencapai bawah 20 kaki dan hanya membekalkan air ke loji-loji Lembaga Air Perak (LAP) berkuatkuasa 21 Julai 2025.
- Sebagai rujukan, untuk Empangan Bukit Merah, Perak, paras air 20 kaki (**aras pengairan dihentikan**), paras air 21 - 23 kaki (**aras kritikal**), paras air 25 kaki (**aras berjaga-jaga**) serta paras air 28.5 kaki (**aras normal**).

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #04

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 OGOS 2025

2



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Bagi status pencemaran udara terkini pada **14 Ogos 2025 jam 2.00 petang**, **tiada kawasan** yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 seperti di **Lampiran 3**.
- Untuk rujukan, bacaan IPU 0 - 50 (**baik**), 51 - 100 (**sederhana**), 101 - 200 (**tidak sihat**), 201 - 300 (**amat tidak sihat**) dan melebihi 300 (**merbahaya**).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STATUS JEREBU SERANTAU

- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 13 Ogos 2025 yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)* seperti di **Lampiran 4** menunjukkan **tiada titik panas dikesan di Malaysia dan Kalimantan**, manakala terdapat **9 titik panas dikesan di Sumatera**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pada **13 Ogos 2025**, tiada kes penyakit berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan. Kumulatif kes berkaitan dengan cuaca panas bagi tahun 2025 adalah **46 kes**. Pecahan kes mengikut diagnosis adalah **42 kes kelesuan haba** dan **empat kes strok haba exertional**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 12 kes di Selangor, tujuh kes di Perak, enam kes di Sabah, lima kes masing-masing di Melaka dan Johor, empat kes di Terengganu, tiga kes di Negeri Sembilan, dua kes masing-masing di Pahang dan Kedah. Pecahan kes mengikut umur adalah **22 kes remaja**, **23 kes dewasa** dan **satu kes warga emas**.
- **Tiada kes kematian berkaitan cuaca panas dilaporkan** dari 1 Januari 2025 hingga 13 Ogos 2025. Kesemua kes penyakit berkaitan cuaca panas telah sembuh dan dicaj dari pusat rawatan.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA


Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi.
- ✓ Hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Simpan bekalan air secukupnya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



STATUS CUACA PANAS
PADA 13 OGOS 2025 JAM 4.00 PETANG



Tahap 1	-
Tahap 2	-
Tahap 3	-



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #04

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


15 OGOS 2025

4

Lampiran 2

STATUS STORAN EMPANGAN

PADA 13 OGOS 2025



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #04

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


15 OGOS 2025

5

Lampiran 3

INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)

PADA 14 OGOS 2025 JAM 2.00 PETANG



Total Station : 68

Good	Moderate	Unhealthy	Very Unhealthy	Hazardous	API
0 - 50	51 - 100	101 - 200	201 - 300	Above 300	Not Available
28	40	0	0	0	0
Stations	Stations	Stations	Stations	Stations	Stations

Sumber: Jabatan Alam Sekitar (JAS)



LAPORAN STATUS CUACA PANAS #04

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


15 OGOS 2025

6

Lampiran 4

BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU

PADA 13 OGOS 2025



KAWASAN		TARIKH								
		5/8	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8	13/8
Indonesia	Kalimantan	9	5	40	64	0	14	12	0	0
	Sumatra	0	4	16	6	8	2	2	13	5
Malaysia	Sabah & Sarawak	1	0	0	0	0	0	1	0	0
	Semenanjung	0	0	9	6	0	0	0	0	0

Petunjuk: meningkat menurun kekal

Sumber: Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)